



Sekitar pertandingan berlangsung

31 Oktober 2010, para peserta dari Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berjaya meraih kemenangan di tempat yang ke-4, tempat ke-8 dan tempat ke-10 daripada 100 kumpulan pelajar yang bertanding di Cabaran Catur Bestari IPT Peringkat Kebangsaan 2010 anjuran bersama Johor Corporation dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pertandingan ini telah berlangsung di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Untuk anugerah 'Banker Terbaik', UUM telah mendapat tempat ke-3 dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai, trofi dan sijil penyertaan.

Cabaran Catur Bestari IPT Peringkat Kebangsaan 2010 ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Johor Corporation dalam usaha untuk memperkembangkan potensi diri pelajar serta memupuk semangat dan budaya keusahawanan di kalangan para pelajar di samping dapat melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan usahawan graduan yang berdaya saing pada masa akan datang.

Institut Pembangunan Keusahawanan Dan Koperasi (CEDI) sebagai sebuah Institusi yang menjadi penggerak kepada aktiviti pembangunan keusahawanan di UUM tidak pernah melepaskan peluang dalam menyertai segala aktiviti yang melibatkan pembangunan keusahawanan pelajar di mana peluang dan pendedahan yang telah diberikan kepada pelajar UUM di harap dapat meningkatkan tahap jati diri keusahawanan pelajar untuk terus bergiat aktif dalam bidang keusahawanan sama ada ketika masih mengikuti pengajian di dalam kampus atau selepas menamatkan pengajian kelak.

Tamat.